

29 JUL 1998

KRISIS ASIA-SEBAB/I

SPEKULASI TAK TERKAWAL SEBABKAN KRISIS ASIA, KATA BUSINESS WEEK

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Pendedahan ekonomi Asia kepada kerenah spekulasi modal kewangan yang tidak terkawal merupakan sebab utama tercetusnya krisis kewangan dan ekonomi Asia, kata sebuah rencana di dalam majalah Business Week.

Menulis di ruangan "Economic Viewpoint" dalam terbitan 27 Julai, Robert Kuttner berkata memang mustahil mengendalikan ekonomi yang cekap "apabila matawang kita jatuh sebanyak 100 peratus dalam hanya beberapa bulan."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad paling lantang bersuara mengenai manipulasi matawang yang menyebabkan kemusnahan kepada ekonomi Asia dan telah juga menolak dakwaan bahawa keadaan ini muncul disebabkan oleh kelemahan struktur ekonomi Asia.

Walaupun kejatuhan ekonomi Asia dikatakan berpunca daripada masalah struktur seperti terlalu banyak campurtangan dalam ekonomi, kapitalisme kroni dan bank-bank yang terlalu sedikit modalnya, Kuttner menghujah bahawa walaupun sistem ini memerlukan kajian menyeluruh, namun ia telah menghasilkan pertumbuhan luar biasa selama dua dekad.

Dalam rencana bertajuk "What sank Asia? Money sloshing around the world", beliau berkata apabila ekonomi Asia menjadi sasaran spekulasi kewangan global, ia terdedah secara tiba-tiba kepada kuasa di luar kawalannya.

Kuttner memberi amaran bahawa dunia akan menghadapi deflasi seperti kemelesetan seperti "Great Depression", yang tercetus berikutan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Asia, jika kita tidak berhati-hati.

Katanya "Arkitek Amerika penyelamat Asia" tidak boleh menentukan sama ada mereka mempercayai pasaran spekulatif untuk mengawal aliran matawang dan modal.

Kuttner merasakan kawalan kemusnahan sementara dan usaha jimat cermat yang tidak berbaloi merupakan pendekatan yang salah (dalam mengatasi krisis ini), dan menyarankan bahawa adalah lebih baik diambil tindakan secara sistematik dan mengenakan "Cukai Tobin" ke atas urus niaga matawang jangka pendek. -- BERNAMA

MFJ KY OS